

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 20 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13469
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah institusi atau bidang baharu yang dapat Kerajaan terokai untuk dijadikan sebagai sumber perolehan negara seperti PETRONAS sebagai *golden goose* tanpa melibatkan sumber pendapatan berorientasi percukaian kepenggunaan daripada rakyat.
2. PN-1541-L13491
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah individu yang terlibat di dalam menyorok minyak masak paket yang telah dikenakan tindakan undang-undang setakat ini dan adakah kegiatan menyorok ini menjejaskan golongan sasar B40 yang sepatutnya menikmati kemudahan ini dengan harga minyak masak paket yang lebih mampu milik.
3. PN-1541-L13611
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan RISDA untuk memperluaskan platform RisSMart 24 bagi membantu lebih ramai usahawan, khususnya dalam memasarkan produk mereka di peringkat nasional dan antarabangsa.
4. PN-1541-L13183
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu pengusaha produk pelancongan di Sabah menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 khususnya dalam bentuk geran pembangunan dan pelaksanaan program berskala antarabangsa.

5. PN-1541-L13881
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pelan terancang Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk melaksanakan program-program bimbingan keusahawanan kepada pelbagai sektor masyarakat di negara ini berupaya melahirkan warganegara usahawan sebagai jaminan kehidupan yang mampan, terutama dalam menghadapi krisis ekonomi global.

6. PN-1541-L13841
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha dalam menangani kes penyeludupan manusia dan dadah yang masih berleluasa di sempadan negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengetatkan pengawasan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) atau terdapat sebarang mekanisme lain yang lebih efektif.

7. PN-1541-L13637
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan fokus terkini KPI Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) agar sumbangan dividen dan keuntungan operasi dipertingkatkan bagi memastikan pengukuhan anggaran pendapatan Kerajaan Persekutuan 2025.

8. PN-1541-L13704
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan penglibatan belia Orang Asli dalam sukan yang berpotensi untuk diketengahkan.

9. PN-1541-L13652
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dasar dan peraturan-peraturan berkaitan dengan nyahkarbon bagi industri perkapalan di Malaysia dan apakah kedudukan pelepasan karbon industri tersebut di Malaysia berbanding negara-negara Asia Tenggara yang lain.

10. PN-1541-L13118
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos diperuntukkan untuk kempen memberi kesedaran kepada pengguna terutamanya mereka yang membuang sampah di setiap P-Turn di Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak dan adakah masalah tersebut dapat diselesaikan.

11. PN-1541-L13640
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak peluang kepada belia dalam industri kreatif bagi menjana ekonomi digital.

12. PN-1541-L13558
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan penerima bantuan elaun orang kurang upaya (OKU) yang telah diberhentikan sejak 5 tahun lalu dan apakah kajian semasa yang dilaksanakan bagi menambahbaik mekanisme penyelesaian isu pengemis, gelandangan, aspek pemulihan dan penguatkuasaan di bawah kendalian Kementerian.

13. PN-1541-L13769
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menyeimbangkan perkembangan pesat e-sukan di Malaysia dengan cabaran seperti ketagihan permainan video dan keciciran pelajar.

14. PN-1541-L13674
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) mengapa staf dari semenanjung Malaysia diberikan tawaran latihan pos basik di Sabah dan Sarawak memandangkan ramai yang sudah berkeluarga dan terpaksa meninggalkan keluarga mereka semasa berkursus; dan
 - (b) berapakah jumlah staf yang terjejas dan apakah strategi terkini untuk mengatasi isu ini.

15. PN-1541-L13249
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian yang diambil untuk menangani isu letupan di kilang kimia supaya tidak berulang lagi bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

16. PN-1541-L13289

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah faktor utama Kerajaan membenarkan kenaikan tarif elektrik pada separuh kedua 2025 dengan memastikan keputusan ini tidak membebankan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah serta perancangan untuk mengimbangi kebajikan sosial dengan pembangunan ekonomi yang mampan.

17. PN-1541-L13225

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) berapakah nilai kerugian negara sepanjang tahun 2024 dalam sektor industri getah akibat daripada masalah kekurangan pekerja dan mengakibatkan ribuan hektar tanah getah tidak dapat diusahakan; dan
- (b) bagaimana pelan pemulihan industri getah telah dilaksanakan dan pencapaiannya setakat ini.

18. PN-1541-L13449

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan bank digital sebagai penyedia pembiayaan modal kewangan dan modal pusingan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), memandangkan ia dilihat lebih fleksibel berbanding bank konvensional.

19. PN-1541-L13712

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perincian isu kenaikan tarif elektrik dan pelan Kerajaan dalam mengawal *domino effect* kepada negara.

20. PN-1541-L13195

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan penjelasan mengenai langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan supaya syarikat ladang kelapa sawit turut bertanggungjawab dalam menjaga hutan dan alam sekitar terutamanya sungai yang menjadi nadi kehidupan Orang Asal Sarawak di mana tebingan sungai di Sarawak semakin musnah akibat penebangan hutan oleh syarikat tersebut.

21. PN-1541-L13889
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha yang dilakukan oleh agensi seperti Jabatan Muzium Negara dan penyelarasan dengan agensi di Kementerian lain seperti Jabatan Warisan Negara untuk mengkaji dan mewartakan tapak warisan seperti makam sultan-sultan dan batu megalit di seluruh negara.
22. PN-1541-L13417
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik terkini bagi kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputera ke sekolah kebangsaan dan pelajar-pelajar bumiputera ke sekolah vernakular.
23. PN-1541-L13533
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha RISDA dalam memperkenalkan teknologi baru atau kaedah pertanian pintar bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos pengeluaran untuk pekebun kecil getah.
24. PN-1541-L13145
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kuota yang diberikan kepada golongan OKU di setiap projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan jika tiada, adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan kuota Khas OKU di setiap projek perumahan Kementerian.
25. PN-1541-L13175
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha memperkasakan TVET bagi membantu menangani masalah pengangguran akibat lambakan buruh kurang mahir dalam kalangan belia.
26. PN-1541-L13312
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai kerjasama pertahanan bersama negara-negara lain dalam menangani ancaman serangan siber atau fizikal yang berpotensi berlaku akibat pendirian negara ini terhadap isu Gaza.

27. PN-1541-L13399
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian melalui inisiatif keusahawanan sosial terutama di luar bandar bagi membantu usaha Kerajaan meningkatkan sosioekonomi penduduk di kawasan tersebut.
28. PN-1541-L13545
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kerajaan dalam memastikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi universiti awam diselarikan dengan teknologi masa kini termasuk proses pendigitalan dan Kecerdasan Buatan (AI).
29. PN-1541-L13569
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan senarai kartel-kartel yang menguasai industri beras berdasarkan laporan yang telah disediakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada tahun lalu.
30. PN-1541-L13603
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kategori OKU mengikut kategori dan apakah inisiatif Kerajaan untuk membantu mereka.
31. PN-1541-L13457
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan luar oleh syarikat Malaysia yang dapat memberi manfaat kepada ekonomi domestik, terutamanya dari segi pemindahan teknologi dan peningkatan daya saing dengan Syarikat-syarikat Multinasional (MNC).
32. PN-1541-L13685
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) statistik kematian dan kes denggi yang dilaporkan mengikut negeri untuk 5 tahun kebelakangan ini; dan
 - (b) apakah faktor-faktor utama kematian kes denggi yang dikenalpasti melalui audit klinikal dan apakah strategi dan pendekatan baru Bahagian Kesihatan Awam untuk menangani isu ini.

33. PN-1541-L13823
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menggunakan teknologi bagi perkhidmatan tersasar seperti Decentralized Women's Economic Hubs berasaskan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) untuk menghubungkan ibu tunggal di luar bandar kepada pasaran digital global dengan membangunkan Automated Skill-Matching AI Platforms bagi memastikan mereka mendapat peluang kerja fleksibel berbayar yang tinggi.
34. PN-1541-L13347
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan strategi yang dirangka di bawah Program Edutourism bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa menyambung pengajian di universiti tempatan.
35. PN-1541-L13332
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai inisiatif untuk membantu peniaga yang menjalankan perniagaan secara fizikal kerana pelbagai rungutan dan keluhan daripada peniaga pada ketika ini kerana menghadapi persaingan dengan perniagaan di platform media sosial seperti TikTok dan Shopee contohnya seperti peniaga di Nilai, Negeri Sembilan.
36. PN-1541-L13278
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan hak pekerja dilindungi termasuk hak untuk menyertai kesatuan sekerja dan perundingan secara kolektif dan apakah usaha Kementerian dalam menangani isu diskriminasi dan eksploitasi di tempat kerja.
37. PN-1541-L13830
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang garis panduan bagi ahli-ahli politik dalam hal ehwal perbankan seperti pembukaan akaun bank.
38. PN-1541-L13861
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini hasil Ops Sky yang dijalankan oleh SPRM dengan kerjasama Bank Negara bagi menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram yang membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

39. PN-1541-L13849

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) pendirian Kerajaan mengenai penggunaan telefon bimbit di sekolah; dan
- (b) apakah garis panduan yang ada untuk mengelakkan gangguan akademik serta masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekiranya Kementerian membenarkan pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah.

40. PN-1541-L13203

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) maklumat terkini jalan raya-jalan raya sebagai perhubungan di pedalaman Jelalong dan Tubau dalam DUN Murum yang telah diluluskan, dan sekiranya ada, bilakah jalan-jalan ini akan disiapkan; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan merealisasikan pembinaan jalan raya jika tiada sebarang kelulusan pembinaan yang diberikan.

41. PN-1541-L13756

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah vape dijual secara terbuka di kedai serbaneka seperti KK Mart dan 7-Eleven tanpa kawalan ketat walaupun kesan kesihatan jangka panjangnya masih dalam kajian dan risiko ketagihan dalam kalangan remaja semakin meningkat dan apakah justifikasi Kerajaan dalam membenarkan industri vape berkembang tanpa kawalan perundangan yang jelas.

42. PN-1541-L13577

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan formula yang diguna pakai oleh Kerajaan untuk menaikkan tarif elektrik optimum selari dengan kaedah Tempoh Kawal Selia 4 (Regulatory Period 4) yang disemak setiap tiga tahun sekali oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kerajaan.

43. PN-1541-L13506

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang di antara wilayah khususnya antara kawasan bandar dan luar bandar.

44. PN-1541-L13786
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menyekat kadar penyeludupan lembu import masuk di negara kita yang semakin meningkat setiap tahun kerana kemasukan lembu import ini memberi kesan kepada penternak yang menjual lembu tempatan dengan harga pasaran yang lebih tinggi berbanding lembu import.
45. PN-1541-L13600
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah taksiran kerosakan Jalan Perhubungan Desa (JPD) yang dialami semasa banjir di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada 2024 dan sejauh mana Kerajaan membaikpulih semula kerosakan jalan terbabit.
46. PN-1541-L13336
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina dewan terbuka di sekolah-sekolah yang masih belum memiliki kemudahan tersebut bagi memastikan para pelajar dapat menjalankan aktiviti dalam persekitaran yang lebih selesa dan terlindung, terutamanya ketika cuaca panas terik yang boleh menjejaskan kesihatan mereka.
47. PN-1541-L13598
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakan jumlah Tabika Perpaduan sedia ada dan yang akan dibina pada tahun 2025 di Negeri Terengganu.
48. PN-1541-L13762
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan potensi untuk membangunkan industri herba di Malaysia dan apakah dasar, peraturan dan insentif bagi menyokong pembangunan industri tersebut.
49. PN-1541-L13155
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji kembali peruntukan undang-undang dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang bersifat berat sebelah dan terdedah kepada penyalahgunaan.

50. PN-1541-L13379
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik murid-murid yang terbantut tumbesarnya mengikut negeri dan adakah wujud program pemakanan khusus untuk mereka.
51. PN-1541-L13809
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dana daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang diperuntukkan untuk aktiviti pelaburan dan strategi Kementerian dalam memastikan pelaburan tersebut diuruskan secara profesional.
52. PN-1541-L13458
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan pemantauan harga barang mentah dan barang basah di pasaran dilakukan secara berkesan untuk mengelakkan manipulasi harga oleh peniaga.
53. PN-1541-L13765
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan tegas yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai Jabatan Alam Sekitar yang terlibat dalam isu penyelewengan e-waste di Pelabuhan Klang serta langkah pembaharuan sistem penguatkuasaan untuk mengelakkan kejadian seumpama ini.
54. PN-1541-L13367
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani peningkatan kejadian demonstrasi jalanan yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini.
55. PN-1541-L13421
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status terkini pelaksanaan program biodiesel di Malaysia dan bilakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan penggunaannya ke seluruh negara.

56. PN-1541-L13515
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah konkrit bagi memastikan bekalan beras putih tempatan berada di pasaran secukupnya supaya tiada lagi isu manipulasi beras putih import yang sudah berlarutan lebih daripada dua tahun serta apakah tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab atas kehilangan beras putih tempatan di pasaran.
57. PN-1541-L13688
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina jalan premix baru ke Kampung Sungai Isoi Batu 2 Tapah Perak; dan
 - (b) bilakah bekalan air bersih akan disalurkan ke kampung ini.
58. PN-1541-L13633
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dari segi jumlah kes dalam siasatan dan tindakan penambahbaikan bagi polis sejak IPCC mula beroperasi.
59. PN-1541-L13323
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah masih terdapat kuarters guru yang dibiarkan kosong dan terbiar sedangkan masih ramai guru yang memerlukan tempat tinggal berhampiran dengan sekolah.
60. PN-1541-L13623
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini projek-projek tebatan banjir di Sabah berikutan kejadian banjir di beberapa daerah akibat musim hujan baru-baru ini.
61. PN-1541-L13135
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan dan penyelenggaraan (*upgrade*) kemudahan OKU di semua universiti tempatan pada tahun 2024 dan berikan pecahan terperinci mengikut universiti.

62. PN-1541-L13165
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- (a) strategi yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pembiayaan kepada pekebun kecil untuk penanaman semula kelapa sawit dan getah; dan
 - (b) apakah strategi Kementerian dalam mengurangkan kegiatan orang tengah yang mengaut keuntungan yang menyebabkan pendapatan pekebun kecil ini terjejas.
63. PN-1541-L13240
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan maut yang melibatkan penunggang motosikal warganegara Malaysia bagi tempoh 2 tahun sebelum ini (2023-2024).
64. PN-1541-L13297
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah kes pelanggaran dan penyalahgunaan logo halal oleh individu dan syarikat yang telah dikesan dan didakwa sejak tahun 2020 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan tiada penyalahgunaan yang berlaku dalam pasaran.
65. PN-1541-L13478
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status kemajuan Malaysia dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
66. PN-1541-L13814
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) langkah yang diambil Kerajaan untuk mengoptimumkan aliran masuk bakat global, menyelaraskan kelulusan visa dengan keperluan industri dan menghapuskan penghalang daya saing negara di peringkat serantau; dan
 - (b) sejauh manakah pelan dasar Kerajaan yang lebih proaktif dapat mengatasi perkara ini dan adakah Kerajaan bersedia mengambil contoh model berimpak tinggi seperti Global Talent Stream (GTS) Kanada dan Program Pekerja Bermusim Australia.

67. PN-1541-L13894

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan Malaysia mengenai ancaman Amerika Syarikat (AS) terhadap organisasi antara kerajaan BRICS yang mahu mengurangkan kebergantungan kepada dolar AS dan bagaimanakah strategi Malaysia bagi mengimbangi diplomasi sebagai rakan strategik kepada semua negara utama dalam era *post-Trump* ini.

68. PN-1541-L13733

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis masa tentatif pada suku pertama 2025 bahawa pihak Kementerian akan menghentikan sekatan terhadap pengambilan pekerja asing.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Perdana Menteri]

2. (D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Parlimen 2025 (dengan pindaan di peringkat
Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)

[Perdana Menteri]

3. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Tambahan (2024) 2025

[Menteri Kewangan]

4. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang **Bacaan Kali Yang Kedua**
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan]**

6. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Ekonomi]

7. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]